

D573

B B721 AAB

MAHATHIR-CABAR

1985

KOTA KINABALU, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCABAR GOLONGAN YANG MENFITNAH KONONNYA BELIAU RAPAT DENGAN KERAJAAN SABAH KERANA PERDANA MENTERI BANYAK HARTA DI NEGERI INI.

BELIAU MENCABAR GOLONGAN ITU MEMBUAT DAKWAAN ITU SECARA TERBUKA DI KALAYAK RAMAI DAN JANGAN BERBISIK-BISIK DENGAN NIAT MENGHASUT RAKYAT NEGERI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA +SAYA JEMPUT MEREKA YANG MENABUR FITNAH KONONNYA SAYA RAPAT DENGAN DATUK HARRIS KERANA SAYA BANYAK HARTA DI SABAH SUPAYA BANGUN MEMBUAT DAKWAAN ITU SECARA TERBUKA.

+KITA AKAN TENGOK SAMA ADA MEREKA BERANI MEMBUAT DAKWAAN ITU SECARA TERBUKA DAN BERANI MENGHADAPI PENDAKWAAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERCAKAP KEPADA 5,000 ORANG PENDUDUK KAMPUNG PIMPING DI MEMBAKUT, 85 KM DARI SINI HARI INI DALAM KONTEKS HUBUNGAN RAPAT ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN SABAH SEJAK PARTI BERJAYA MENGAMBIL ALIH PENTADBIRAN NEGERI DALAM TAHUN 1976.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH DAN DATIN RUPIAH HADIR SAMA. -- LAGI.
1604MST 04 04 85

MAHATHIR-CABAR 2 KOTA KINABALU

PERDANA MENTERI BERKATA HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN SABAH DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KINI SANGAT RAPAT BERBEZA DARIPADA KEADAAN PADA MASA SABAH DITADBIRKAN OLEH USNO.

KATANYA, +KERAJAAN PUSAT SANGAT PUAS HATI DENGAN KERAJAAN BERJAYA DAN OLEH KERANA HUBUNGAN YANG RAPAT ITU KEDUA-DUA PIHAK DAPAT MERUNDINGKAN BERBAGAI-BAGAI PERKARA.

+SEMASA USNO MEMERINTAH, HUBUNGAN KERAJAAN SABAH DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN +DINGIN+ DAN SERING PEMIMPIN NEGERI MASA ITU BERADA DI ENGLAND ATAUPUN LUBNAN UNTUK +BERISTIREHAT,+ KATANYA.

KATANYA PARA PEMIMPIN USNO KETIKA ITU LEBIH MEMENTINGKAN KEINDAHAN DIRI DAN PERBELANJAAN DIRI DARIPADA KEPENTINGAN RAKYAT.

KATA BELIAU SEMASA PARTI BERJAYA MENGAMBIL ALIH PENTADBIRAN, NEGERI SABAH TIADA BERDUIT SEHINGGAKAN TERPAKSA MENJUAL KAPAL TERBANG DAN MENJUAL RUMAH-RUMAH MILIK NEGERI. -- LAGI.

1651MST 04 04 85

MAHATHIR-CABAR 3 KOTA KINABALU

KATANYA TIADA SEBIAPA PUN BOLEH MENAFIKAN BAHAWA PARTI BERJAYA BERTANGGUNGJAWAB MEMBANGUNKAN SABAH SEHINGGA KINI MENJADI NEGERI TERKAYA DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN KEPADA PENDUDUK DI SITU MENGENAI KEDUDUKAN SEBENAR PENYERAHAN LABUAN OLEH KERAJAAN SABAH MENJADI WILAYAH PERSEKUTUAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN PUSAT +TIDAK DAPAT APA-APA+ MALAHAN IA MEMBUAT PENGORBANAN UNTUK MEMBANGUNKAN PULAU ITU.

KERAJAAN PERSEKUTUAN MERINGANKAN BEBANAN KERAJAAN NEGERI DENGAN MENJIMATKAN BELANJA YANG SELAMA INI DIGUNAKAN UNTUK MEMAJUKAN LABUAN DAN WANG ITU DIBELANJAKANNYA PULA UNTUK MEMBANGUNKAN TEMPAT LAIN.

PERDANA MENTERI MENYANGKAL DAKWAAN KONONNYA PARTI BERJAYA YANG MEMERINTAH TIDAK DEMOKRATIK, SEDANGKAN BUKTI YANG IA DEMOKRATIK IALAH DALAM PILIHANRAYA UMUM NEGERI KALI INI APABILA 172 ORANG CALON PEMBANGKANG DAN BEBAS AKAN MENENTANG 48 ORANG CALON BERJAYA.

PERDANA MENTERI MEMBUAT PERBANDINGAN BAHAWA SEMASA PILIHANRAYA DIADAKAN SEWAKTU SABAH DI BAWAH PENTADBIRAN USNO, PERNAH BERLAKU CALON-CALON TIDAK DAPAT BANGUN KE PEJABAT UNTUK MENYERAHKAN KERTAS PENCALONANNYA. -- LAGI.

1654MST 04 04 85

B B740 AAB

MAHATHIR-CABAR 4 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL BERKATA SAMA ADA BERJAYA MENANG ATAU KALAH DALAM PILIHANRAYA KALI INI, BN TETAP AKAN MENYOKONG BERJAYA.

KERAJAAN PUSAT TIDAK AKAN BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI YANG LAIN KERANA +KITA SUDAH BIASA DENGAN KEJUJURAN DAN SIKAP BERTANGGUNGJAWAB BERJAYA.

+SEMASA USNO DALAM BN DAHULU, IA MELAKUKAN BERBAGAI-BAGAI TINDAKAN YANG TIDAK PATUT DILAKUKAN OLEH SESEBUAH PARTI KOMPONEN BN.

+USNO PERNAH MENIKAM KITA DARI BELAKANG,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

-- BERNAMA.